

## **PERKEMBANGAN KOGNITIF ANAK-ANAK DI LUAR RUMAH**

Hayatun Najihah Hussin  
Nur Syahirah Zulhisham  
Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

### Suggested Citation:

Hussin, H. N., Zulhisham, N. S., & Jasmi, K. A. (2012). Perkembangan Kognitif Anak-Anak di Luar Rumah in *Prosiding Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia* at Marbaw Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia on 22 September 2012, pp. 38-56. ISBN 978-967-0194-24-0 .

### Abstrak

Kognitif itu boleh ditafsirkan sebagai cara manusia berfikir serta memproses sebarang maklumat. Terdapat banyak cara yang boleh yang kita amalkan untuk melatih Jungsi kognitif. Salah satu daripadanya adalah dengan cara mendengar muzik. Hal ini demikian merupakan sesuatu perkara yang amat mudah untuk dilakukan kerana kita hanya perlu mendengar muzik sahaja. Perkembangan kognitif itu sendiri boleh berlaku tidak kira di mana sahaja sama ada di dalam mahupun di luar rumah. Selain itu, terdapat banyak perkara yang boleh merangsang perkembangan kognitif tersebut. Di sini kami membincangkan bagaimana persekitaran di luar rumah boleh merangsang perkembangan kognitif tersebut. Persekutuan yang terlibat di dalam perbincangan kami ialah taska, tempat belajar serta media massa. Terdapat juga perkara yang bleh mendatangkan kesan yang tidak baik terhadap perkembangan kognitif tersebut.

# 3

## PERKEMBANGAN KOGNITIF ANAK-ANAK DI LUAR RUMAH

Hayatun Najihah Hussin  
Nur Syahirah Zulhisham  
Kamarul Azmi Jasmi

### Abstraks

*Kognitif itu boleh ditafsirkan sebagai cara manusia berfikir serta memproses sebarang maklumat. Terdapat banyak cara yang boleh yang kita amalkan untuk melatih fungsi kognitif. Salah satu daripadanya adalah dengan cara mendengar muzik. Hal ini demikian merupakan sesuatu perkara yang amat mudah untuk dilakukan kerana kita hanya perlu mendengar muzik sahaja. Perkembangan kognitif itu sendiri boleh berlaku tidak kira di mana sahaja sama ada di dalam mahupun di luar rumah. Selain itu, terdapat banyak perkara yang boleh merangsang perkembangan kognitif tersebut. Di sini kami membincangkan bagaimana persekitaran di luar rumah boleh merangsang perkembangan kognitif tersebut. Persekutuan yang terlibat di dalam perbincangan kami ialah taska, tempat belajar serta media massa. Terdapat juga perkara yang bleh mendatangkan kesan yang tidak baik terhadap perkembangan kognitif tersebut.*

### PENGENALAN

Berdasarkan buku yang berjudul Cognitive, kognitif itu terbahagi kepada dua iaitu “Cognitive psychology” dan juga “Cognitive neuroscience”.

*“Cognitive psychology is concerned with the internal processes involved in making sense of the environment and deciding what action might be*

*appropriate. Cognitive neuroscience involves the attempt to use information about behavior and about the brain to understand human cognition.”*

(Eysenck & Keane, 2010: 1)

Antara proses-proses yang terlibat dalam psychology kognitif ialah cara berfikir, ingatan, berimaginasi, merancang dan menyelesaikan masalah. Psychology kognitif boleh didefinisikan sebagai usaha yang terlibat untuk memahami kognition manusia dengan cara mengkaji perlakuan manusia tersebut. Psychology neuroscience pula boleh didefinisikan sebagai usaha yang terlibat dalam penggunaan maklumat tentang perlakuan dan tentang otak untuk memahami kognition manusia. Psychology neuroscience menggunakan teknik imaginasi otak. Jika dilihat dengan lebih dekat lagi terdapat sedikit perbezaan antara psychology kognitif dan psychology neuroscience di mana psychology neuroscience menekankan untuk mengakaji otak manusia seperti mana mengkaji perlakuan manusia (Eysenck & Keane, 2010: 1).

Perkembangan kognitif kanak-kanak pula lebih ditekankan terhadap pembinaan pemikiran mereka. Secara ringkasnya perkembangan kognitif itu merupakan satu proses yang berlaku secara berperingkat. Di sini kami mengulas serba sedikit mengenai perkembangan kognitif yang berlaku di luar rumah. Bagi meningkatkan perkembangan kognitif kanak-kanak tersebut terdapat pelbagai pihak yang perlu memainkan peranan untuk melibatkan diri mereka dalam hal ini. Antara contoh-contoh pihak yang boleh terlibat dalam meningkatkan tahap perkembangan ini ialah pihak taska, sekolah serta media massa.

Taska memainkan peranan untuk mendidik kanak-kanak yang baru lahir hingga berumur empat tahun. Tenaga pengajar di taska mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan kanak-kanak yang berumur dalam lingkungan tersebut (Hall, 2008: 40). Perkembangan permikiran kanak-kanak pada waktu itu perlu diberi perhatian yang lebih oleh orang sekeliling kerana fikiran mereka sedang berfungsi dengan sangat aktif.

Bukan itu sahaja pihak sekolah juga perlu memainkan peranan yang penting dalam perkembangan kognitif kanak-kanak. Hal ini demikian kerana masa bagi seseorang kanak-kanak itu lebih banyak dihabiskan di sekolah berbanding di rumah. Perkembangan kognitif yang baik bukan sahaja akan mendatangkan kebaikan kepada kanak-kanak tersebut sahaja malahan ianya juga turut mendatangkan kebaikan kepada pihak sekolah. Pergaulan kanak-kanak juga serba sedikit memberi impak kepada perkembangan kanak-kanak. Walaupun begitu, pergaulan ini perlulah diawasi sentiasa oleh ibu bapa mereka.

Dunia kini dihujani ledakan teknologi. Media massa memainkan peranan bagi menyampaikan maklumat-maklumat yang berguna kepada orang ramai tidak kira di mana juga mereka berada. Kemudahan ini memberi kesan positif dan juga negatif kepada orang ramai. Oleh itu, setiap orang diminta agar lebih berwaspada ketika menggunakan kemudahan ini.

Perkembangan kognitif ini bukanlah merupakan sesuatu perkara yang mudah untuk difahami kerana ianya bukan menjadi topik perbualan sehari-hari kita namun ia merupakan sesuatu perkara yang penting dan sering berlaku di dalam kehidupan sehari-hari kita.

## TASKA

Taska merupakan taman asuhan kanak-kanak iaitu tempat jagaan atau tempat asuhan kanak-kanak kecil terutamanya ketika ibu bapa mereka pergi bekerja (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, 1614). Kanak-kanak yang diasuh di taska ini berumur di bawah umur empat tahun iaitu bermula dari lahir hingga empat tahun. Manakala tadika pula merupakan tempat didikan kanak-kanak (*Kamus Dewan*, 2005: 1565). Tadika menempatkan kanak-kanak pendidikan prasekolah yang mempunyai bilangan seramai sepuluh orang atau lebih. Definisi taska dan tadika ini perlu dijelaskan terlebih dahulu agar tidak berlaku sebarang salah fahaman kerana di sini kita akan membincangkan mengenai taska dan bukannya tadika.



Pada hari ini, kita dapat lihat dengan sendirinya terdapat banyak taska yang telah dibangunkan. Perkara ini memudahkan orang ramai, ibu bapa khususnya yang ingin menghantar anak-anak mereka ke taska. Hal ini demikian kerana mereka mempunyai lebih banyak pilihan. Namun begitu, ibu bapa haruslah bijak dalam memilih taska-taska yang mempunyai kualiti yang baik untuk anak-anak mereka (Hall, 2008: 38). Hal ini kerana kita menginginkan sesuatu yang terbaik untuk anak-anak kita dan untuk mengelakkan juga berlakunya sebarang perkara yang tidak diingini. Oleh itu, ibu bapa perlulah memainkan peranan dalam memilih taska yang baik untuk anak-anak mereka. Terdapat banyak cara untuk memilih taska dan terdapat juga petunjuk yang ibu bapa boleh dapati daripada mana-mana buku yang berkaitan. Antara salah satu cara untuk memilih taska ialah membuat tinjauan serta mengetahui serba sedikit mengenai taska tersebut. Tetapi apa yang lebih penting ialah ibu bapa sendiri haruslah mengetahui adakah taska tersebut sesuai bagi anak-anak mereka (Hall, 2008: 38).

Terdapat kelebihan yang akan kanak-kanak perolehi jika mereka dihantar ke taska. Kelebihan tersebut ialah perkembangan kognitif serta ransangan sosial mereka akan meningkat (Hall, 2008: 40). Selain itu, mereka juga akan lebih bersedia untuk menghadapi zaman persekolahan berbanding dengan kanak-kanak yang dijaga oleh ibu mereka di rumah (Hall, 2008: 40). Namun begitu, terdapat juga kekurangannya. Apa yang dikatakan sebagai kekurangan tadi ialah anak-anak akan lebih terdedah kepada masalah-masalah sosial kerana mereka bergaul dengan ramai lagi kanak-kanak lain yang terdapat di taska tersebut (Hall, 2008: 40). Sejak kebelakangan ini terdapat banyak isu yang berkaitan mengenai taska dan sering menjadi buah mulut orang ramai. Antara salah satu isu yang berkaitan adalah mengenai kes penderaan kanak-kanak di taska. Hal ini demikian juga merupakan salah satu kekurangan apabila anak-anak dihantar ke taska. Terdapat segalintir kanak-kanak tidak bernasib baik yang didera oleh guru-guru atau penjaga-penjaga yang terdapat taska

tersebut. Isu ini sangat membimbangkan orang ramai bukan hanya golongan ibu bapa sahaja. Hal ini kerana kita tidak sangup untuk melihat anak sekecil itu yang belum lagi mengetahui apa-apa disakiti oleh orang-orang yang tidak bermoral. Golongan seperti ini perlulah dijatuhi hukuman yang setimpal bersesuaian dengan perkara-perkara yang tidak bermoral yang telah mereka lakukan. Oleh itu, ibu bapa hendaklah sentiasa berwaspada dalam memilih taska untuk anak-anak mereka. Ibu bapa juga perlulah lebih peka dan mengetahui tentang perkembangan anak-anak mereka sendiri supaya hal seperti ini tidak akan berlaku seterusnya mengelakkan daripada mereka menyesal di kemudian hari.

Pada era globalisasi ini, terdapat ramai ibu bapa yang telah mengambil keputusan untuk menghantar anak-anak mereka ke taska. Terdapat beberapa perkara yang mendorong mereka untuk mengambil tindakan yang sedemikian rupa. Antara sebabnya ialah mereka perlu bekerja bagi menyara kehidupan mereka sekeluarga dan terdapat juga segelintir ibu bapa yang merasakan anak-anak mereka akan mendapat didikan yang lebih baik di taska (Hall, 2008: 40). Oleh itu, mereka tidak dapat melaksanakan tugas mereka untuk menjaga anak-anak dan seterusnya mengambil keputusan untuk menghantar anak-anak ke taska. Hal ini merupakan sesuatu fenomena yang biasa berlaku dalam masyarakat kita pada masa kini.

Sesungguhnya tugas mendidik anak-anak merupakan tugas seorang ibu. Hal ini demikian merupakan salah satu tugas seseorang isteri itu selain daripada mengikut perintah suaminya selagi tidak bertentangan dengan hukum syarak. Ibu perlu mendidik anak-anak mereka secara jasmani, akal dan jiwa. Tugas ini merupakan salah satu tugas yang amat penting bagi seseorang ibu itu dalam kehidupan mereka sehari. Oleh itu, seorang ibu haruslah menanamkan kesungguhan yang tinggi dalam diri mereka dalam menjalankan tugas mendidik anak-anak, baik berupa makanan, kebersihan dan pendidikannya kerana untuk menjalankan tugas ini ibu tersebut perlulah mempunyai tahap kesabaran yang sangat tinggi (Abdullah Ahmad Qodiry Al-Ahdal, 2003, 192).

Seseorang isteri itu harus berada di rumah. Hal ini demikian kerana dinyatakan sendiri dalam Islam bahawa tempat seorang isteri adalah di rumah dan kalau isteri itu keluar rumah akan bertentangan dengan hukum asal. Mereka dibolehkan keluar rumah jika terdapat keperluan mendesak tetapi apabila selesai sahaja urusan tersebut isteri itu harus kembali ke rumahnya. Hal ini merupakan cara Islam untuk menjaga kesucian wanita dan mengelakkan mereka daripada melakukan dosa dan maksiat. Di sini kita boleh lihat dengan jelas betapa indahnya Islam itu sehingga wanita dijaga dengan sebegitu rupa. Dengan ini kesucian dan kehormatan seseorang wanita itu akan terpelihara (Abdullah Ahmad Qodiriy Al-Ahdal, 2003, 159).

Jika kita lihat pada hari ini terdapat segelintir isteri yang mempunyai kerjaya mereka sendiri. Sebenarnya isteri tidak perlu keluar rumah untuk mencari rezeki selagi mereka cukup nafkahnya kerana ini merupakan tanggungjawab seorang suami. Allah telah mewajibkan kepada suami untuk keluar mencari rezeki manakala isteri harus tetap berada di rumahnya (Abdullah Ahmad Qodiriy Al-Ahdal, 2003, 165). Tugas seorang isteri hanyalah berada di rumah mendidik anak-anak serta menjaga keharmonian seisi rumah. Sekiranya isteri tadi hendak keluar rumah maka mereka perlu meminta izin suami terlebih dahulu. Jika isteri tersebut ingin berkeja pula, isteri tersebut perlu meminta izin suaminya dan sekiranya suami tidak membenarkan maka isteri tidak boleh sama sekali keluar untuk bekerja dan jika isteri tersebut keluar juga maka dia sudah dikira sebagai seorang isteri yang derhaka kerana tidak mengikut perintah suami(Abdullah Ahmad Qodiriy Al-Ahdal, 2003, 170). Selain itu, terdapat juga ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke taska kerana mereka berpendapat bahawa anak-anak mereka akan mendapat didikan yang lebih terjamin di taska nanti. Mereka beranggapan bahawa guru-guru atau pun penjaga-penjaga taska tersebut mempunyai lebih banyak ilmu serta pengalaman dan mereka lebih bijak dalam hal-hal yang berkaitan dengan kanak-kanak (Hall, 2008: 40). Hal ini mungkin berlaku

bagi pasangan suami isteri yang baru sahaja menimang cahaya mata mereka yang pertama dan disebabkan mereka masih lagi belum mempunyai pengalaman yang secukupnya dalam menjaga serta mendidik anak jadi mereka membuat pilihan untuk menghantar anak mereka ke taska. Mereka mengharap yang anak mereka akan dijaga dengan baik serta mendapat didikan yang baik. Hal ini demikian kerana ibu bapa hanya mahukan yang terbaik untuk anak-anak mereka. Oleh itu, tidak hairan jika ibu bapa sanggup berhabis wang ringgit hanya untuk perbelanjaan anak-anak sahaja. Maka anak-anak hari ini perlulah sentiasa mengingati jasa ibu bapa mereka dan cuba sebaik yang mungkin untuk membala jasa mereka semua kerana merake telah banyak berkorban hanya untuk membesar kita.

Namun begitu, secara realitinya mendidik anak-anak merupakan tanggungjawab seorang ibu. Nabi Muhammad s.a.w bersabda (al-Bukhari, 1994: 844; Muslim, 2001: 3408):

عَنْ أَبْنَىْ عُمَرَعْنَىْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ قَالَ أَلَا فَكُلُّمَ رَاعٍ  
وَكُلُّمَ مَسْؤُلٌ عَنْ رِعِيَتِهِ فَالْمُمِيرُ الَّذِي عَلَى النَّاسِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْؤُلٌ  
عَنْ رِعِيَتِهِ وَالرَّجُلُ رَاعٍ عَلَى أَهْلِ بَيْتِهِ وَهُوَ مَسْؤُلٌ عَنْهُمْ وَالمرأةُ  
رَاعِيَةٌ عَلَى بَيْتِ بَعْلَهَا وَوَلَدَهُ وَهِيَ مَسْؤُلَةٌ عَنْهُمْ وَالْعَبْدُ رَاعٍ عَلَى  
مَالِ سَيِّدِهِ وَهُوَ مَسْؤُلٌ عَنْهُ أَلَا فَكُلُّمَ رَاعٍ وَكُلُّمَ مَسْؤُلٌ عَنْ رِعِيَتِهِ

Maksud: Ibnu Umar dari Nabi s.a.w., bahwa beliau bersabda: "Ketahuilah, setiap kalian adalah pemimpin, dan setiap kalian bertanggung jawab atas apa yang dipimpinnya. Seorang pemimpin yang memimpin manusia akan bertanggung jawab atas rakyatnya, seorang laki-laki adalah pemimpin atas keluarganya, dan dia bertanggung jawab atas mereka semua, seorang wanita juga pemimpin atas rumah suaminya dan anak-anaknya, dan dia bertanggung jawab atas mereka semua, seorang budak adalah pemimpin atas harta tuannya, dan dia bertanggung jawab atas harta tersebut. Setiap

*kalian adalah pemimpin dan akan bertanggung jawab atas kepemimpinannya."*

*(Al-Bukhari dan Muslim)*

Islam juga menekankan bahawa ibu bapa perlulah mendidik anak mereka dengan baik. Menurut Abu Muhammad (2001) matlamat pendidikan anak dalam Islam adalah untuk menjadikan anak tersebut seorang yang soleh dan solehah yang tahu bersyukur dan berterima kasih kepada kedua orang tuanya. Selain itu, terdapat juga hadis Nabi s.a.w yang mengatakan ibu bapa akan terus mendapat pahala walaupun telah meninggal dunia sekiranya pendidikan yang diberikan kepada anaknya berjaya. Satu hadis menjelaskan (Muslim, 2001: 4803):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ إِنَّ مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ  
إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةِ إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ لَدُ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ

Maksud: *Abu Hurairah r.a. berkata bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda, "Apabila seseorang telah meninggal dunia, maka terputuslah pahala amalnya, kecuali tiga, iaitu ; sshadaqah jarijah (sedekah yang kemanfaatannya dapat berlangsung lama setelah orang yang bersedekah meninggal dunia), ilmu yang bermanfaat dan anak soleh yang selalu mendoakan kepada kedua orang tuanya".*

*(Muslim)*

Antara salah satu sebabnya ialah anak tersebut merupakan darah dagingnya sendiri jadi tidak ada orang lain yang memahami dan lebih mengetahui apa yang lebih baik untuk anaknya kecuali dirinya sendiri. Walaupun ibu tadi tidaklah mempunyai taraf pendidikan yang tinggi tetapi dia masih lagi boleh mengetahui apa yang

terbaik untuk anaknya. Hal ini demikian kerana anak itu telah membesar di dalam rahimnya sendiri dan dia juga turut merasakan kesakitan melahirkan anak. Seseorang wanita itu boleh lagi menjaga dan mendidik anaknya dengan baik walaupun anak itu merupakan anaknya yang pertama kerana mereka memang memiliki sifat keibuan tersebut dan sifat itu akan lebih terserlah setelah wanita itu mempunyai anak. Mereka tidak perlu belajar untuk menjaga anak kerana mereka boleh melakukan dengan sendirinya. Namun, jika terdapat ibu yang tidak mengetahui bagaimana cara untuk menjaga serta mendidik anak mereka boleh mendapatkan nasihat daripada orang yang lebih berpengalaman atau pun mereka boleh merujuk buku-buku yang berkaitan tentang cara-cara menjaga dan mendidik anak-anak. Buku-buku tersebut boleh didapati di pasaran dan mereka mempunyai banyak pilihan buku, apa yang perlu mereka lakukan hanyalah memilih buku sahaja.

Selain itu, ibu lebih sesuai untuk menjaga anaknya berbanding dengan orang lain kerana kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya adalah lain jika dibandingkan dengan kasih sayang orang lain. Oleh itu, cara ibu menjaga dan mendidik anak adalah lebih baik jika hendak dibandingkan dengan cara orang lain menjaga dan mendidik anak tersebut. Di samping itu, seseorang ibu dapat memberikan didikan yang baik kepada anaknya kerana si ibu mendidik anak dengan seikhlas hatinya memandangkan anak itu adalah darah dagingnya sendiri, jadi si ibu akan menjaga anak tersebut bagaikan menatang minyak yang penuh.

Kesimpulannya, tiada apa yang boleh menandingi kasih sayang seorang ibu dan si ibu hanya akan memberikan yang terbaik untuk anak-anaknya. Maka dengan itu, apa yang kita dapat daripada ibu kita adalah merupakan sesuatu yang baik dan tiada apa yang boleh dibandingkan dengannya termasuk lah juga didikan seorang ibu berbanding dengan seseorang yang lain walaupun orang itu mempunyai taraf pendidikan yang tinggi.

## ALAM PERSEKOLAHAN

Pada masa kini, sudah menjadi kecenderungan bagi golongan ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka belajar di tempat-tempat yang mempunyai taraf yang tinggi. Hal ini demikian kerana mereka beranggapan bahawa tempat seperti itu dapat mendidik anak-anak mereka dengan baik dan tidak boleh ditandingi oleh tempat-tempat lain yang mempunyai taraf yang biasa sahaja. Mereka beranggapan sedemikian rupa sehingga merasakan yang anak-anak mereka tidak akan terdidik dengan baik jika anak-anak mereka belajar di tempat yang mempunyai taraf biasa. Terdapat segelintir masyarakat yang merasakan bahawa penyebab utama perkembangan kognitif tidak berlaku adalah disebabkan oleh kemiskinan sesebuah keluarga tersebut kerana mereka tidak mampu untuk menghantar anak-anak mereka belajar di tempat-tempat yang mempunyai taraf yang tinggi (Hall, 2008: 41). Tanggapan ini merupakan sesuatu anggapan yang salah kerana tidak kira di mana pun tempatnya anak itu masih lagi boleh menuntut ilmu dengan baik atas daya usahanya sendiri. Walaupun memang tidak dapat dinafikan bahawa persekitaran yang baik adalah merupakan sesuatu yang penting bagi meransang pembelajaran anak-anak tetapi yang lebih adalah diri anak-anak itu sendiri.

Walau bagaimana pun, kemahiran pembelajaran pada awal zaman kanak-kanak merupakan sesuatu yang sangat penting. Hal ini kerana kemahiran tersebut adalah penentu bagi seseorang itu untuk berjaya dengan cemerlang semasa di zaman persekolahan (Hall, 2008: 41). Kemahiran ini boleh dipupuk oleh ibu bapa sendiri di rumah atau pun semasa di prasekolah oleh guru-guru. Ibu bapa dan guru perlulah sedar betapa pentingnya kemahiran pembelajaran ini terhadap anak-anak.

Sistem persekolahan pada hari ini adalah sangat berbeza dan kadangkala boleh mendorong kesan yang buruk yang terhadap anak-anak. Antara salah satu contoh sistem yang boleh mendorong kesan negatif terhadap diri anak-anak ialah mengasingkan mereka mengikut pencapaian mereka (Hall, 2008: 46). Apabila mereka

diasingkan dengan cara begini, taraf keyakinan diri mereka akan menurun dan membantutkan perkembangan kognitif. Pengasingan seperti ini tidak sepatutnya berlaku kerana tujuan utama anak-anak adalah untuk menuntut ilmu. Memang tidak dapat dinafikan bahawa pencapaian itu merupakan sesuatu yang penting tetapi kita harus ingat ilmu itu adalah sesuatu yang jauh lebih penting. Dalam Islam juga turut mengatakan bahawa pentingnya ilmu dalam kehidupan seharian kita. Aishah r.a meriwayatkan katanya : Aku mendengar Rasulullah bersabda (Abu Dawud, 1994: 3158):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ مَا مِنْ رَجُلٍ يَسْأَلُ طَرِيقًا يَطْلَبُ  
فِيهِ عِلْمًا إِلَّا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ بِهِ طَرِيقَ الْجَنَّةِ وَمَنْ أَبْطَأَ بِهِ عَمَلَهُ لَمْ يُسْرِعْ بِهِ  
نَسْبَهُ.

Maksud: Abu Hurairah ia berkata, "Rasulullah s.a.w. bersabda: "Tidaklah seorang laki-laki yang meniti jalan untuk mencari ilmu melainkan Allah S.W.T. akan mempermudah baginya jalan menuju Syurga. Dan barangsiapa yang lambat amalannya maka nasabnya tidak akan memberinya manfaat."

(Abu Dawud)

Jadi untuk apa kita melakukan semua itu sekiranya apa yang kita dapat hanyalah perkara-perkara yang negatif.

Semasa di sekolah pula, guru-guru perlulah mengambil peranan untuk membantu anak-anak untuk membina kognitif yang mantap serta kemahiran sosial. Di sini kita boleh lihat bagaimana pentingnya seseorang guru itu dalam kehidupan seharian kita.

## SEKOLAH RENDAH

Saat ini kanak-kanak berumur linkungan 6-12 tahun. Jika dahulunya mereka hanya mengenal huruf dan nombor. Kini mereka lebih

didedahkan dengan tahap yang lebih kompleks yang memerlukan mereka lebih berfikir (McShane John, 1991). Pemikiran secara kritikal juga semakin membangun dan pada usia ini juga, mereka dijangka tidak lagi bergantung pada guru dan ibu bapa di dalam perkembangan kognitif.

Pada waktu ini, kanak-kanak sedang mengawal kemampuan fizikal, menjaga kesihatan diri, memperkembangkan identiti kendiri dan mengembangkan nilai moral. (Abdullah Nasir Ulwan, 1988). Kebiasaannya, kanak-kanak yang dibesarkan dalam suasana kekeluargaan yang sempurna akan berjaya di sekolah. Bukan itu sahaja, Pihak sekolah yang berkolaborasi bersama penjaga akan menghasilkan pelajar yang cemerlang (Hall, 2008: 49).

Perubahan dalam bentuk tubuh badan, anggapan, dan persekitaran kanak-kanak yang berumur dalam lingkungan ini berkemungkinan mereka berasa kelam kabut dan kelihatan kurang kemas. Mereka seringkali berfikir bagaimana penampilan boleh mempengaruhi perhubungan dalam kehidupan mereka.

Selain itu, pembelajaran pada ketika ini hanya berteraskan kemahiran yang mudah. Kanak-kanak yang sudah mempunyai asas ketika di tadika akan mudah untuk berjaya ketika di sekolah rendah. Hal ini kerana mereka sudah bersedia ataupun biasa dengan keadaan di dalam kelas yang ini dapat meningkatkan fokus mereka di dalam kelas (Hall, 2008: 44). Tambahan pula, terdapat beberapa cara untuk mengukuhkan sekolah iaitu:

- (1) Fokus terhadap pembangunan kanak-kanak.
- (2) Fokus terhadap pembangunan pihak sekolah.
- (3) Fokus terhadap pembangunan komuniti.

Apa yang kita dapat ulaskan dalam fokus terhadap pembangunan kanak-kanak ialah orang dewasa bertanggungjawab dalam pembelajaran anak-anak dari segi kemahiran fizikal dan psikologi. Dari segi pihak sekolah pula, mereka haruslah seorang yang terlatih, boleh

berkolaborasi dengan pihak atasan, mampu memberi nasihat dan tunjuk ajar serta menyediakan persekitaran yang sihat kepada pelajar. Fokus terhadap pembangunan komuniti tertumpu terhadap komuniti di sekolah seperti pustakawan, staff pejabat dan lain-lain lagi. Mereka bekerjasama dengan sekolah untuk keberkesanannya sekolah.

## KOLEJ

Mereka yang terlibat di dalam lingkungan 18- 23 tahun. Perkembangan kognitif ketika ini sangat berbeza ketika mereka di sekolah rendah. Mereka sering difahami dengan konsep membentuk kebebasan emosi dari ibu bapa dan telah matang dalam membuat keputusan (McShane John,1991).

Pembelajaran di kolej jauh berbeza berbanding zaman persekolahan dahulu kerana lebih mementingkan konsep berdikari. Di Amerika Syarikat, mereka melakukan strategi seperti ‘kumpulan guru’ dan pembelajaran dalam komuniti yang kecil. (Hall, 2008). Kumpulan guru yang dimaksudkan di situ ialah perbincangan antara guru mengenai anak murid mereka. Jika guru berjaya melakukan perbincangan tersebut, mereka menyumbang dalam perkembangan kognitif dan pembangunan sosial. Pembelajaran di kolej sangat mementingkan sifat berdikari. Siapa yang berusaha dia yang akan berjaya kerana proses pembelajaran bersama guru lebih tertumpu di dalam kelas. Jika di zaman persekolahan, guru seringkali membantu anak murid dengan memberi latihan, membuat kelas tambahan, menyemak kerja sekolah dan sebagainya. Apabila umur meningkat dewasa, proses pembelajaran lebih difokuskan dengan “self learning” iaitu pembelajaran kendiri (Hall, 2008). Banyak masa yang terluang pada tahap pembelajaran ini maka pengawasan ibu bapa sangat penting untuk mengelakkan anak-anak mereka terjebak dengan kancan gejala sosial.

Walaubagaimanapun, ibu bapa perlu menentukan bagaimana untuk membantu kanak-kanak dalam persekitaran kehidupan di kolej agar mereka boleh menyesuaikan diri dan meneman anak-anak disaat mereka lewat remaja. Pembangunan kognitif di luar rumah akan berterusan sehingga dewasa.

## **AKTIVITI TAMBAHAN LUAR WAKTU SEKOLAH**

Kanak-kanak yang terlibat dengan aktiviti seperti sukan, seni dan sains melalui perkembangan kognitif yang lebih bagus dari kanak-kanak yang tidak menceburi apa-apa. Menyertai aktiviti di luar waktu sekolah dapat memberi pelbagai kesan positif kepada pelbagai pihak. Kanak-kanak yang aktif lebih mendapat ramai kenalan dan membolehkan mereka mengenalpasti pahit manis kehidupan.

Kanak-kanak lebih terdorong mengisi masa lapang mereka dengan rakan-rakan berbanding keluarga (McShane John,1991). Salah satu faktor adalah persamaan usia. Kita boleh membuat konklusi bahawa pada tahap umur yang berbeza, pemikiran kita juga turut berbeza. Disebabkan ini, kanak-kanak mempunyai pemikiran yang sama dengan rakan-rakannya yang seusia. Hasil karangan Abdullah Ulwan di dalam buku Pedoman Pendidikan Anak-anak dalam Islam, orang dewasa mungkin dapat mengenal pasti baik buruk sesuatu itu maka, berlaku lah kawalan terhadap kanak-kanak yang merenggangkan hubungan seseorang dewasa itu dengan kanak-kanak. Apa yang difikirkan oleh kanak-kanak lebih kepada keseronokan.

Aktiviti di luar waktu sekolah ini sedikit sebanyak, dapat menarik minat kanak-kanak mengisi masa lapang mereka dengan perkara yang lebih berfaedah. Hal ini bukan sahaja bermanfaat kepada mereka, malah memberi banyak kesan yang berguna kepada ibu bapa serta pihak sekolah juga. Sebagai contoh, ibu bapa mana yang tidak inginkan anak mereka cemerlang dalam pelbagai bidang. Bagi ibu bapa yang sibuk dengan kerjaya, masa yang tidak

dapat mereka luangkan bersama anak semasa bekerja dapat dipenuhi oleh anak mereka dengan perkara yang berguna. Bukan itu sahaja, ini sedikit sebanyak dapat menaikkan nama pendidik dan juga sekolah. Hubungan murid dan guru juga semakin akrab di luar kelas menjadi salah satu faktor kanak-kanak gembira di waktu persekolahan. Selain itu, dengan aktiviti-aktiviti sukan, kelas muzik, kelas agama dan yang lain sedikit sebanyak member peluang kanak-kanak menghabiskan masa mereka bersama rakan-rakan. Hall (2008) ada menyenaraikan beberapa sebab kanak-kanak menceburi aktiviti di luar waktu sekolah:

- (1) Ibu bapa menginginkan anak mereka berkembang secara sepenuhnya
- (2) Ibu bapa yang bekerjaya memerlukan penjagaan terhadap anak mereka sebelum dan selepas sekolah
- (3) Guru-guru mahukan pelajar mereka berkembang secara sepenuhnya
- (4) Guru-guru ingin menyumbang dalam karier mereka untuk kejayaan sekolah dan menaikkan nama sekolah
- (5) Kanak-kanak gembira bersama rakan sebaya
- (6) Kanak-kanak dapat mengukuhkan silaturrahim bersama guru di luar kelas
- (7) Kanak-kanak dapat mengembangkan bakat mereka
- (8) Orang dewasa berkolaborasi dalam menjayakan program ekstra kurikulum
- (9) Kanak-kanak melihat orang dewasa berkolaborasi dan menjadikan mereka sebagai model untuk mereka bekerjasama bersama rakan-rakan
- (10) Kejayaan sekolah menguatkan komuniti

Dalam hal ini, dapat disimpulkan bahawa semua pihak mempunyai matlamat dan faedah dalam penceburan kanak-kanak terhadap aktiviti kurikulum.

Sesungguhnya, masa lapang itu perlulah diisi dengan perkara yang berguna. Jika seorang kanak-kanak itu cemerlang di dalam akademik, alangkah bagusnya jika dia cemerlang imannya. Pihak sekolah dapat membantu perkara ini dengan menyediakan kelas yang menerapkan unsur-unsur Islam seperti kelas hafazan dan tilawah, kelas seni kreatif Islam dan sebagainya. Imam Bukhari telah meriwayatkan daripada Abdullah bin Abbas, sabda Rasulullah s.a.w ‘terdapat dua nikmat dimana kebanyakan manusia menderita kerugian didalamnya iaitu nikmat kesihatan dan masa lapang’. Masa lapang yang dimaksudkan disini ialah kekosongan daripada berbagai kesibukan dan perkara-perkara keduniaan yang menghalang seseorang daripada melakukan urusan-urusan akhirat. Melalui aktiviti seperti ini, sedikit sebanyak dapat memberi dua faedah di dunia dan juga akhirat buat kita.

Bukan itu sahaja, aktiviti kokurikulum seperti ini dapat memberi peluang kepada kanak-kanak untuk bersukan. Bersukan sangat penting kerana dapat memberikan kesihatan yang bagus untuk diri. Islam telah menetapkan kesihatan merupakan perkara yang penting selepas keimanan. Penyataan tersebut boleh dijelaskan dengan satu hadis yang menjelaskan (Ibn Majah, 1930: 2132; Ahmad, 1994: 22144):

عَنْ مُعاذِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ خُبَيْبٍ عَنْ أَيْيَهُ عَنْ عَمِّهِ قَالَ كُنَّا فِي مَجْلِسٍ فَجَاءَ  
النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَعَلَى رَأْسِهِ أَثْرٌ مَاءٌ فَقَالَ لَهُ بَعْضُنَا نَرَاكَ الْيَوْمَ طَيِّبَ النَّفْسِ  
فَقَالَ أَجَلَ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ ثُمَّ أَفَاضَ الْقَوْمُ فِي ذِكْرِ الْغُنْيَ فَقَالَ لَا يَأْسَ بِالْغُنْيِ  
لِمَنْ اتَّقَى وَالصِّحَّةُ لِمَنْ اتَّقَى خَيْرٌ مِنْ الْغُنْيِ وَطَيِّبُ النَّفْسِ مِنْ النَّعِيمِ

Maksud Mu'adh bin Abdullah bin Khubaib dari Bapaknya dari bapa saudaranya bahawa dia berkata, "Kami sedang duduk-duduk dalam sebuah majlis, lalu Nabi s.a.w. datang, sementara

*di kepalanya masih ada bekas air mandi. Sebagian kami berkata kepada beliau, "Hari ini kami melihatmu tampak bahagia" Baginda s.a.w. lantas menjawab: "Benar, segala puji bagi Allah." Setelah itu orang-orang terleka dalam perbincangan masalah kekayaan hingga beliau pun bersabda: "Tidak apa-apa dengan kaya bagi orang yang bertakwa. Dan sihat bagi orang yang bertakwa itu lebih baik dari kaya. Dan bahagia itu sebahagian dari kenikmatan."*

(Ibn Majah)

Orang dewasa harus menyokong aktiviti yang kanak-kanak ceburi. Pastikan mereka mendapat peluang untuk menunjukkan usaha disamping kita juga menilai perkembangan positif mereka. Kebiasaannya, kemahiran dan hubungan persahabatan semakin kukuh melalui aktiviti di luar waktu sekolah ini dan berterusan di dalam kehidupan mereka. Kesimpulannya, aktiviti seperti ini memberi peluang kepada kanak-kanak untuk menyerlahkan bakat mereka, merapatkan hubungan antara rakan serta memberi impak positif dalam perkembangan kognitif.

## MEDIA

Media merupakan salah satu cara komunikasi untuk mendapatkan maklumat dan juga salah satu hiburan kini. Media boleh didapati melalui cetakan, video, maupun audio dan terdapat banyak kesan positif, negative serta ketidakpentingan melalui media. Orang dewasa bertanggungjawab untuk mengawal penggunaan media anak-anak. Media utama pada masa ini ialah program television dan juga internet.

Seperti yang kita lihat, pelbagai siaran hiburan yang berunsurkan pendidikan semakin giat disiarkan di kaca television untuk menarik minat serta mendidik anak-anak kecil sebagai contoh, Sesame Street, Dora the Explorer serta Blue's Clues (Hall, 2008). Dunia semakin maju, teknologi semakin berkembang, pendidikan dan program

hiburan untuk anak-anak juga semakin meningkat sejak dua dekad yang lalu. Hal ini demikian merupakan berita yang gembira bagi kanak-kanak serta orang dewasa yang mengambil berat terhadap anak-anaknya. Walau bagaimanapun, pengawasan dewasa masih diperlukan dengan ledakan media yang memberi kesan terhadap masyarakat (Hall, 2008).

Dalam kehidupan, anak diibaratkan seperti kain putih bersih yang memerlukan mereka (ibu bapa) untuk mencorakkannya (Abdullah Nasih Ulwan, 2001). Di sini, kita boleh lihat kepentingan ibu bapa ataupun orang dewasa dalam mendidik atau dalam kata lain mengawasi perilaku anak-anak. Alangkah indahnya jika ibu bapa dapat mendedahkan kisah-kisah para anbia' dan cerita serikandi Islam kepada anak-anak mereka. Islam juga mengajar untuk mengikut sunnah Rasulullah s.a.w dalam kehidupan sehari-hari. Sunnah Rasulullah merupakan ikutan atau panduan yang terbaik bagi manusia. Menurut Abdullah Nasih Ulwan dalam bukunya "Pedoman Pendidikan Anak-Anak dalam Islam, jika anak-anak dapat diterapkan dengan sunnah dan juga kisah-kisah rasulullah melalui media kini, jelas ini dapat menghasilkan masyarakat yang membangun kelak.

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُشْوَىٰ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُوا

اللَّهُ وَالْيَوْمَ الْآخِرِ وَذَكْرُ اللَّهِ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Maksud: Sungguh, telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan yang banyak mengingati Allah.

(Surah al-Ahzab, 33:21)

Secara akalnya, pendidikan itu mestilah mengikut arus peredaran semasa. Dunia kini dibanjiri dengan ledakan kemajuan teknologi.

Kemudahan untuk mendapatkan maklumat berada di hujung jari sahaja. Walaupun media kini memberi kesan yang positif, pengawasan oleh dewasa amat diperlukan kerana banyak unsur negatif boleh didapati seperti keganasan, pergaulan sosial, seks bebas dan sebagainya. Pihak media tidak bertanggungjawab dengan apa yang mereka siarkan. Maka, orang dewasa harus berhati-hati dan sentiasa memikirkan ‘adakah siaran ini memberi kesan yang positif kepada kanak-kanak?’

Hall (2008) telah menyatakan beberapa cara untuk mengawasi kanak-kanak dalam penggunaan media seperti menggunakan media pendidikan dan aktiviti hiburan dengan sederhana, sentiasa bersedia dengan apa yang media paparkan apabila kanak-kanak hadir walau dalam apa saja keadaan. Beri sepenuh tumpuan terhadap isi kandungan media, menukar media yang kurang sesuai terhadap kanak-kanak atau membawa kanak-kanak keluar dari persekitaran tersebut, membincangkan baik buruk media tersebut kepada kanak-kanak dan orang dewasa menjadi contoh terbaik kepada kanak-kanak. Mereka harus memilih media yang sesuai untuk menjadi model kepada anak-anak

## RUMUSAN

Pendek kata, perkembangan kognitif ini berlaku sejak kecil lagi hingga dewasa. Terdapat pelbagai faktor yang boleh mempengaruhi perkara ini seperti yang kita tahu ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan anak-anak dan terdapat juga pihak lain yang terlibat dalam perkara ini. Selain itu, perkembangan ini perlulah berlaku dengan menjadikan Islam sendiri sebagai landasan utama kerana setiap perkara yang berlaku berlandaskan Islam pasti akan diberkati Allah dan mempunyai penghujung yang baik.

## RUJUKAN

Abdullah Ahmad Qodiry al-Ahdal. 2003. *Tanggungjawab dalam Islam*. Selangor Darul Ehsan: Pustaka Ilmi.

- Abdullah Nasih Ulwan. 1996. *Pedoman Pendidikan Anak-Anak dalam Islam*. Kuala Lumpur. Victory Agencies.
- Abdullah Nasih Ulwan. 2001. *Child Education In Islam*. Jld. 1-3. T.T.P.: Dar El Salam.
- Abu Dawud, al-Imam Abu Dawud Sulaiman b. al-Ash'ath al-Sajastani (1994). *Sunan Abi Daud*. Jil. 1-2. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ahmad b. Hambal, al-Imam Abu 'Abdullah ibn Muhammad ibn Hambal ibn Hilal al-Shaibani (1994). *Musnad li al-Imam Ahmad ibn Hambal*. Juz. 1-12. Mesir: Dar al-Ma'arif.
- Al-Hadi, A.-U. A.-H. 2006. *Tajzibu Athrat Al Hadith*. Selangor Darul Ehsan: Al-Hidayah Publication.
- Al-Nasa'i , al-Imam al-Hafiz Abu 'Abd al-Rahman Ahmad ibn Shu'aib ibn 'Ali ibn Bahr ibn Sinan ibn Dinar (1930). *Sunan al-Nasa'i bi Sharh al-Hafiz Jalal al-Din al-Suyuti Wa Hasiah al-Imam al-Sundi*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Eysenck, Keane. 2010. *Cognitive Psychology: A Student's Handbook*. 6th Edition. United Kingdom: Taylor & Francis Group.
- Idris, D. A. 2000. *Keutamaan Ilmu dan Para Ulama*. Selangor Darul Ehsan: Al-Hidayah Publisher.
- Hall, S. 2009. *Raising Kids in 21st Century*. United Kingdom: Wiley Blackwell.
- McShane, J. 1991. *Cognitive Development*. United Kingdom. Basil Blackwell.
- Muhammad, A. 2001. *Sifat dan Sikap Anak yang Dicintai Allah*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
- Mu'ti, A. M. *A Practical Guide for Islamic Education*. 2003: Kuala Lumpur: Al Falah Foundation.
- Sa'aduddin, D. I. 2006. *Meneladani Akhlak Nabi*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya Bandung.